

TAHAP KEYAKINAN PENJAGA TERHADAP AKTIVITI PEMBELAJARAN DALAM MEMBIMBING PELAJAR UNTUK MELAHIRKAN GENERASI AL-QURAN.

Abdul Halim bin Hj. Taib

Hasmadi bin Hassan

Universiti Terbuka Malaysia

Kuantan, Pahang

Corresponding Author : hjabd_halim@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi “ Tahap Keyakinan Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran ‘SAR-KAFA’ di Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan. Kajian ini melibatkan semua penjaga pelajar. Sebanyak 52 set borang soal-selidik telah disediakan dan diedarkan kepada penjaga melalui pihak pengurusan ‘SAR-KAFA’. Data-data yang telah dikumpul, dianalisis dengan menggunakan aplikasi perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 23*. Darjah kebolehpercayaan (nilai *alpha cronbach*) bagi item soal-selidik adalah .879. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan penjaga berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.4511. dan 4.500 bagi tahap kerjasama penjaga. Walaubagaimanapun didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keyakinan dan tahap kerjasama penjaga dengan faktor demografi keluarga pelajar. Kegagalan membaca al-Quran dengan baik dan sempurna membawa kesan yang negatif dan berkekalan terhadap individu Islam. Kajian menunjukkan (Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd yang dipetik oleh Nor Rohizan ,2018) bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar baik di sekolah, kolej atau institusi-institusi pengajian dalam pembacaan al-Quran adalah pelajar kurang lancar membaca al-Quran, pelajar kurang menghayati hukum-hukum tajwid, pelajar lemah atau sukar menyebut ‘*makhraj*’ huruf dan pelajar lemah tulisan jawi. Persepsi sepertimana di atas di dapati berperanan dan memberi impak yang mendalam kepada tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran di “SAR-KAFA”.

Kata kunci : Demografi, Kebolehpercayaan, Kerjasama, Keyakinan, Signifikan, Tahap.

1.0 PENDAHULUAN

Di negara kita ini, pembelajaran al-Quran di kalangan masyarakat Islam telah berjalan sejak sekian lama sama ada di masjid, surau, madrasah serta rumah-rumah tertentu. Ianya berbeza dengan sistem pengajaran yang diperkenalkan di “SAR-KAFA” yang lebih tersusun dan berobjektif. Pembentukan generasi al-Quran yang unik bukan boleh dicapai sekelip mata dengan angan-angan dan ucapan sehalus, tetapi mestilah dengan amalan yang sungguh-sungguh; bermula dari zaman kanak-kanak diasuh, dididik dengan secukupnya kearah mencintai al-Quran dan seterusnya menghayati al-Quran.

Usaha ini melibatkan pelbagai peringkat bermula dari peranan pemerintah, pemimpin-pemimpin masyarakat, pendidik, ibu-bapa / penjaga dan seterusnya memupuk disiplin di kalangan pelajar (Hasan Mahmud Al- Hafiz.2014). `SAR-KAFA` adalah merupakan salah satu platform dalam arus pendidikan pelajar-pelajar Islam di Malaysia. Kajian kes yang dijalankan di `SAR-KAFA` Masjid Kariah Kampung Pandan Satu adalah merupakan contoh tipikal pendidikan terkini yang menjadi landasan kepada pendidikan al-Quran dan fardhu-ain kepada generasi akan datang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penjaga faham akan wawasan serta objektif penubuhan Sekolah Agama Rakyat dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (SAR-KAFA) oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)..

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Norhafizah Musa (2019), secara umumnya generasi al-Quran dapatlah difahamkan apabila masyarakat mengamal dan mempraktik budaya berinteraksi ataupun mendekati diri dengan al-Quran melalui prinsip-prinsip yang dikenali sebagai 7M seperti berikut:

- a. Mempelajari al-Quran iaitu mempunyai kehendak untuk belajar al-Quran sebagai gudang ilmu yang perlu diterokai;
- b. Membaca al-Quran iaitu juga bermaksud mendengar bacaan al-Quran yang dibaca oleh orang lain;
- c. Mengajar al-Quran mengikut kadar yang ada dalam dirinya;
- d. Menghafaz ayat-ayat al-Quran sama ada keseluruhan ayat, atau sebahagian daripadanya *atau memberi motivasi dan galakan kepada anak untuk menghafaz al-Quran.*
- e. Merenung atau mentadabbur maksud ayat-ayat al-Quran;
- f. Mengamalkan kesemua saranan dan hukum-hakam yang terdapat di dalam al-Quran; dan
- g. Mendaulatkan atau mengagungkan al-Quran.

Dewasa ini ramai di kalangan masyarakat gagal memenuhi ciri-ciri di atas di mana ternyata akan membantut usaha untuk memperlihatkan kesungguhan dalam mengujudkan generasi berakhlak yang dikenali sebagai generasi al-Quran.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian menunjukkan (Abdul Halim, 2015) bahawa seringkali didapati ramai dalam kalangan masyarakat kampung dan juga bandar yang gagal untuk membaca al-Quran dengan baik; walaupun kelihatan individu berkenaan sering ke masjid dan menunaikan semabahnya fardhu secara berjemaah. Kajian kes di Masjid Kariah Kampung Pandan Satu menunjukkan bahawa pihak masjid sering menghadapi masalah untuk mengujudkan kelas-kelas tajwid dan bertadarus di bulan Ramadhan bagi kategori golongan dewasa lelaki. Ianya menjurus kepada permasalahan yang wujud dalam menyediakan pelapis dalam kalangan anak-anak sejak dari peringkat sekolah rendah. Walaupun usaha ini telah diambil tanggungjawab oleh “SAR-KAFA”; namun ianya sekaligus melibatkan tahap keyakinan dan tahap kerjasama di kalangan penjaga untuk menghantar anak-anak di bawah jagaan mereka belajar di “SAR-KAFA”. Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd & Nor Rohizan (2018)

menyatakan bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar baik di sekolah, kolej atau institusi-institusi pengajian dalam pembacaan al-Quran adalah seperti berikut:

- a. Pelajar kurang lancar membaca al-Quran;
- b. Pelajar kurang menghayati hukum-hukum tajwid;
- c. Pelajar lemah atau sukar menyebut `makhrāj` huruf; dan
- d. Pelajar lemah tulisan jawi.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah:

1. Menentukan tahap keyakinan penjaga terhadap tahap pembelajaran di `SAR-KAFA` Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan; dan
2. Menentukan tahap kerjasama antara penjaga dan pihak sekolah dalam memastikan pelajar mampu menguasai kemahiran membaca al-Quran.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes dan bertujuan untuk menilai persepsi penjaga terhadap kaedah pembelajaran "SAR-KAFA" Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan. Kesemua populasi penjaga pelajar `SAR-KAFA` seramai 52 keluarga adalah merupakan responden kajian ini. Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang dibina oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai subjek kajian yang hampir sama bagi menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dari segi pembacaan, pemahaman kaedah penulisan dan pembacaan serta penghayatan. Input responden terhadap soalan kajian akan dirumuskan menggunakan modul perisian `Statistical Packages for Social Science (SPSS) for Windows Version 23.0 software` (SPSS) bagi mendapatkan statistik berkaitan dengan soalan kajian.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Demografi

Hasil kajian mendapati seramai 46 (88.46%) responden telah mengambil bahagian dalam kajian soal selidik dengan memulangkan semula instrumentasi soal selidik yang telah dikemukakan untuk dianalisis. Status penjaga menunjukkan 38(82.6%) orang penjaga adalah terdiri daripada bapa kandung dan seramai 7 (15.2%) orang penjaga adalah ibu kandung dan hanya seorang sahaja (2.2%) penjaga merupakan bapa angkat. Dari segi tahap pendidikan penjaga; seramai 26 (56.5%) adalah merupakan lulusan SPM / MCE / setara.dan seramai 6 (13.0%) orang penjaga adalah berkelulusan PDL / UPSR / Tamat Darjah 6 / setara. Dari segi sektor pekerjaan; majoriti penjaga adalah bekerja sendiri terdiri dari 21 (47.4%), 13 (28.3%) bekerja kerajaan / badan berkanun dan seramai 12 (26.1%) bekerja disektor swasta. Majoriti penjaga adalah berpendapatan sederhana di mana RM 1000 dan ke bawah seramai 8 (17.4%), RM 1001-2000 seramai 12 (26.1%), RM 2001 – 3000 seramai 13 (28.3%) dan RM 3001 – 4000 seramai 9 (19.6%). Hanya 2 (4.3%) orang penjaga masing-masing berpendapatan RM 4001 – 5000 dan terdapat juga 2 (4.3%) orang penjaga berpendapatan RM 5000 dan ke atas.

6.2 Tahap Keyakinan Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran di “SAR-KAFA”

Jadual 1.0 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara “*Tahap Keyakinan Penjaga*” dan “*Demografi Keluarga*” di mana nilai $p = 0.056$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.056 > 0.05$). Dengan ini kedudukan “*Demografi Keluarga*” pelajar adalah tidak mempengaruhi “*Tahap Keyakinan Penjaga*” terhadap aktiviti pembelajaran di SAR-KAFA Kariah Masjid Pandan Satu. Nilai korelasi (r) berkisar antara (1) hingga (-1) . Nilai pekali korelasi yang diperolehi ialah $(-.056)$ dimana adalah tersangat rendah (Cohen dan Holliday, 1982 & Ghazali Yusri Abd. Rahman, et al, 2016). Ini menunjukkan hubungan atau pengaruh antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu “*Demografi Keluarga*” dan “*Tahap Keyakinan Penjaga*” adalah tersangat longgar untuk mempengaruhi antara satu sama lain.

Jadual 1.0 : Hasil Ujian Korelasi Antara Tahap Keyakinan Penjaga dan Demografi Keluarga

		Tahap Keyakinan Penjaga	Demografi Keluarga
Tahap Keyakinan Penjaga	Pearson Correlation	1	-.284
	Sig. (2-tailed)		.056
	N	46	46
Demografi Keluarga	Pearson Correlation	-.284	1
	Sig. (2-tailed)	.056	
	N	46	46

6.4 Analisis Perbezaan

Terdapat lapan hipotesis null dalam kajian keseluruhan yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kamung Pandan Satu iaitu berdasarkan kepada: a) faktor status penjaga, b) faktor hubungan pelajar dengan penjaga, c) faktor bangsa, d) faktor status kewarganeraan, e) faktor usia penjaga, f) faktor tahap pendidikan, g) faktor sektor pekerjaan penjaga dan h) faktor pendapatan penjaga.

- a) Hipotesis null no.1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kampung Pandan Satu berdasarkan kepada faktor status penjaga.

Sebagaimana yang ditunjukkan di jadual 2.0 melalui ujian yang dijalankan, nilai p yang diperolehi ialah $.083$ sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual (2) (*Ujian Anova*) adalah lebih besar daripada nilai α (0.05). Maka dengan itu, hipotesis null no. 1 iaitu “*Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran “SAR-KAFA” Kariah Masjid Kampung Pandan Satu berdasarkan kepada faktor status penjaga*” adalah diterima. Dengan ini dirumuskan bahawa status

keluarga pelajar yang berbeza tidak mempengaruhi tahap keyakinan terhadap aktiviti pembelajaran di 'SAR-KAFA' Kariah Masjid Kampung Pandan Satu.

Jadual 2.0 : Ujian Anova Bagi Tahap Keyakinan Penjaga Berdasarkan Faktor Status Penjaga

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig. (Nilai <i>p</i>)
Between Groups	.876	2	.438	2.644	.083
Within Groups	7.119	43	.166		
Total	7.994	45			

Aras keertian $\alpha = 0.05$

7.0 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

Keyakinan adalah merupakan elemen utama yang mempengaruhi persepsi, kesediaan dan juga kerjasama penjaga dalam melibatkan diri dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di "SAR-KAFA". Sehubungan dengan itu satu kajian mengenai "*Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim*" bagi menilai tahap profesionalisme tenaga pengajar "SAR-KAFA" telah dijalankan oleh Bani Hidayat, et.al. (2018). Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru KAFA perlu dipertingkatkan tahap profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pendidik. Kajian juga mendapati; tahap guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana. Guru KAFA adalah merupakan pendidik, pengajar dan sebagai pembimbing. Berdasarkan peranan ini; guru KAFA adalah guru pendidikan Islam amnya bukan sehaja bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan ilmu semata-mata, malah membentuk pelajar sebagai persediaan kehidupan yang seimbang di dunia dan akhirat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa; tahap profesionalisme guru KAFA berada pada tahap yang sama antara guru yang baharu berbanding dengan mereka yang telah berpengalaman walaupun dari aspek berbeza zon-zon di Malaysia. Menurut Bani Hidayat, et al (2018); menerusi kajian-kajian yang berterusan sejak tahun 1994 sehingga 2017 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap P & P dalam kalangan guru KAFA dan pelajar masih boleh dipersoalkan terutamanya daripada aspek pelaksanaan strategi, bahan bantu mengajar (BBM), kaedah pengajaran dan profesionalisme.

Tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran "SAR-KAFA" perlu dipertingkatkan oleh pihak pengurusan. Ianya banyak bergantung kepada prestasi keseluruhan pelajar baik dari segi keputusan peperiksaan ujian penilaian kelas KAFA (UPKK), hafazan dan bacaan al-Quran serta kemahiran pelajar dalam fardhu-ain. Adalah disyorkan supaya rekod pencapaian tertinggi lepasan pelajar-pelajar "SAR-KAFA" dalam bidang akademik dan alam pekerjaan dikumpulkan, direkod dan dipamirkan untuk tatapan penjaga / umum.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Hj. Taib (2015). *Tahap Kefahaman Fardhu Ain Pelajar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan*. Kertas Projek Sarjana Muda Pengajian Islam (Fakulti Sains Sosial Gunaan) Universiti Terbuka Malaysia.
- Alis bin Putih (2008). *Proses Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Luar bandar: Satu Kajian di Kubang Pasu, Kedah*. Conference Paper: Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.
- Ammar Fadzil, Prof Madya Dr (2015). *AMST 5103, Isu Kontemporari Dalam Kajian Tafsir*. Pusat Reka Bentuk dan Teknologi Pengajaran, Open University Malaysia.
- Bani Hidayat bon Mohd Shafie, Norhayati Fatmi Talib. *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim*. IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor & Politeknik Banting, Selangor.
- Ghazali Yusri Abd. Rahman, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Muhammad Adsyad Abdul Majid, Muhammad Sabri Sahrir (2016). *Persepsi Terhadap Pensyarah dan Hubungannya dengan Tahap Kawalan Kepercayaan Pembelajaran Bahasa Arab*. Kertas Kerja Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA dan Fakulti Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan , Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hasan Mahmud Al-Hafiz (2014). *Muqaddam Al-Quran Rasm Uthmani*. DINI Publisher, A 27- Tingkat Pertama Wisma Yakin, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur.
- Mustafa Hj. Daud, Profesor Madya Dr (2011). *Pendidikan Keibubapaan : Satu Penilaian Ringkas*. Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kodnitif dan Pendidikan , Universiti Utara Malaysia.
- Norhafizah Musa (2019). Kena Cukup &M Kalau Nak Berurusan Dengan Al-Quran. Muat turun – <https://www.youtube.com/watch?v=Y92.1966cRI>
- Nor Rohizan (2018)Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff , Saidi bin Mohd (2008) . *Keupayaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat : Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih Negeri Terengganu*. Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Zulkifli Haji Mohd Yusuff (2004). *Gejala Sosial Dalam Komuniti : Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu*. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya. Muat turun - <http://www.repo.uum.edu.my/2177/1/57.pdf>
.Availale : 21/07/2017